



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN KEPADA ISU “NOTIS ROBOH PREMIS HARAM PERLU DIBERI KEPADA SEMUA”

6 NOVEMBER 2019

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) mengambil perhatian terhadap isu pemberian notis perobohan premis haram yang dibina di atas tanah rizab jalan di kawasan Selayang Baru yang dibangkitkan melalui akhbar Sinar Harian bertarikh 5 November 2019.

Berhubung dengan isu pemberian notis tersebut, PPTGWPKL telah menghantar sebanyak 105 notis pendudukan tanpa sah di atas tanah Kerajaan yang terdapat di kawasan Selayang Baru. Ianya melibatkan semua struktur dan dihantar secara berperingkat-peringkat bermula 4 hingga 5 November 2019.

Sehubungan dengan itu, dakwaan yang mengatakan bahawa notis yang diserah hantar secara tidak menyeluruh adalah tidak benar kerana PPTGWPKL telah menghantar notis-notis tersebut kepada semua gerai dan struktur kekal tanpa **memilih bulu** seperti mana yang didakwa.

Selain itu, berhubung dengan isu pemilik bangunan yang mendapat Lesen Pendudukan Sementara yang telah tamat tempoh, PPTGWPKL tidak lagi memberikan kelulusan pembaharuan lesen tersebut berikutan projek pelebaran jalan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bakal dilaksanakan kelak. PPTGWPKL turut menghantar notis kepada bangunan tersebut memandangkan sebahagian struktur bangunannya telah termasuk di dalam sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Justeru, PPTGWPKL akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara ke atas semua struktur tanpa sah di sepanjang Jalan Selayang Baru bagi memberi laluan kepada kerja-kerja projek pelebaran jalan dan pembangunan Pusat Penyembelihan Ayam oleh DBKL. **Namun demikian tempoh diberi untuk memungkinkan pemilik memindahkan barang-barang kepunyaan mereka.**

Di samping itu, pihak PPTGWPKL akan sentiasa memantau kewujudan gerai-gerai dan bangunan tanpa sah ini dan bersedia untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana pengusaha gerai dan pemilik struktur kekal tanpa sah yang masih **enggan berpindah**. PPTGWPKL juga sentiasa mengalu-alukan sebarang aduan daripada orang ramai demi memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan Rule of Law.

Sekian, terima kasih.

Maklumat lanjut :

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel : 03-2610 3319
Email : tanahwila@ptgwp.gov.my